

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN DR AZMAN ISMAIL (KUALA KEDAH)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes kematian anggota bomba Muhammad Adib bin Mohd Kassim dalam rusuhan berkaitan kuil Seafield. Mengapakah sampai hari ini tiada siapa pun yang dituduh di mahkamah kerana membunuh beliau.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019 telah memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib bin Mohd Kassim, bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua (2) orang atau lebih suspek. Berdasarkan keputusan yang telah dibuat ini, pihak PDRM sedang menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan kepada pihak pendakwa.